TEMA

14 Ekonomi Mapan, Negara Makmur

Mendengar dan Bertutur

Teliti bahan di bawah ini. Kemudian, lengkapkan dan lakonkan perbualan dengan rakan anda. SP 1.5.1



Murid 1: Pada pendapat kalian, apakah perniagaan yang sesuai untuk diceburi sekarang?

Murid 2: Pada pendapat saya, (1) _____ merupakan pilihan yang sesuai. Masyarakat hari ini lebih gemar membeli-belah melalui (2) _____ seperti Shopee dan Lazada. Apakah pula pendapat kamu?

Murid 3: Saya berpendapat bahawa (3) _____ _____ masih relevan. Contohnya, (4) _____ yang menyajikan menu yang unik dapat menarik perhatian pelanggan.

Murid 1: Bagaimanakah pula dengan modal perniagaan bagi kedua-dua jenis perniagaan ini?

Murid 2: Perniagaan makanan dan minuman memerlukan (5) _____ _____ berbanding dengan perniagaan dalam talian.

Murid 1: Nampaknya saya perlu mengumpul modal perniagaan terlebih dahulu untuk menceburi bidang perniagaan.

Kamus Mini

1. perniagaan – *urusan berjual beli untuk mencari keuntungan, perdagangan*
2. digital – *berhubungan dengan angka untuk sistem tertentu, beroperasi dengan menggunakan angka untuk mewakili data*
3. modal – *wang atau harta benda yang digunakan sebagai asas untuk berniaga atau untuk menghasilkan sesuatu yang menambah kekayaan*
4. relevan – *ada kaitan atau ada hubungannya dengan sesuatu hal, dapat dikaitkan atau dihubungkan dengan sesuatu perkara*

LIVEWORKSHEETS